



# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## **120 BELIA UTARA BERJAYA TAMAT LATIHAN BIDANG BINAAN DI ABM DAN CIDB TECHNOLOGIES**

**SINTOK, KEDAH (12 Disember 2022)** - Bidang kemahiran kini tidak lagi dipandang sebagai kerjaya kelas kedua apabila permintaan terhadap graduan industri kemahiran terutamanya dalam bidang pembinaan semakin diperlukan masa kini. Malah, kerjaya ini sentiasa mempunyai ruang kosong untuk diisi dengan pendapatan yang agak lumayan.

Ini terbukti dengan tawaran yang diterima daripada tiga (3) syarikat yang sedia mengambil graduan Akademi Binaan Malaysia (ABM) di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai pekerja mahir. Majikan-majikan tersebut adalah Gigih Avenue Sdn Bhd, Premep Facilities Sdn Bhd, dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).

Manakala, tujuh (7) syarikat lagi yang beri tajaan adalah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Majlis Agama dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perak (MAIPk), Zakat Pulau Pinang (ZPP), Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).

“Graduan ABM bukan saja dipersiap untuk memenuhi keperluan tenaga mahir dalam bidang pembinaan negara malah boleh mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja binaan warga asing” kata Timbalan Ketua Eksekutif 1 CIDB Malaysia, Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani semasa berucap dalam Majlis Graduasi ABM dan CIDB Tech Wilayah Utara 2022 di Auditorium ABM Wilayah Utara, Sintok, Kedah.

Seramai 120 pelatih termasuk 13 pelatih cemerlang diraikan. Mereka adalah pelatih daripada 14 tred (kategori) dalam latihan kompetensi kemahiran pembinaan membabitkan kluster bidang bangunan, jentera berat, pendawaian elektrik dan kimpalan.

Turut hadir **Timbalan Ketua Eksekutif 2** CIDB Malaysia, Sr Mohd Zaid Zakaria, **Pengarah CIDB Negeri Kedah**, Siti Rafidah Baharom, dan **Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Holdings**, Supian Musa, **Ketua Pegawai Eksekutif ABM Wilayah Utara**, Mohd Nazri Zakaria dan **Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Technologies**, Mohamad Darus Taib.

Dalam majlis itu, dua (2) alumni ABM iaitu **Muhamad Putera Rafii** dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ikon TVET Pembinaan dan seorang lagi menerima Sijil Khas "Special Mention" iaitu **Normalia Sidek**.

Putera, 25 tahun merupakan usahawan perniagaan servis penyamanan udara dan pernah dinobatkan *Medallion of Excellence* di World Skills Abu Dhabi pada tahun 2018 dengan berbekalkan sijil SKKP CIDB pada awal kerjayanya, kini beliau meraih pendapatan yang lumayan.

Manakala, Normalia, 30 tahun yang telah viral baru-baru ini kerana video aksi berani beliau bertugas di puncak bangunan Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) yang berketinggian 452 meter lantas digelar "*The Real Iron Lady*" oleh netizen Malaysia.

Tiga (3) orang pelatih ABM juga menerima Sijil Penghargaan atas pencapaian mereka bagi Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia 2022 (WSMB) dan WorldSkills Abu Dhabi 2018 (WSC). Ketiga-tiga mereka Muhammad Habibullah Mohd. Yusuff (WSMB-Pingat Perak, Kategori Pemasangan Penyamanan Udara), Zulkifli Mat Noh (WSMB-Sijil Kecemerlangan, Kategori Perpaipan) dan Muhammad Zulkhairi Zubir (WSC-Medallion of Excellence, Kategori Pendawaian Elektrik).

Sehingga kini, ABM dan CIDB Technologies melahirkan **404,746** pekerja mahir binaan di seluruh negara membabitkan program belia dan personel binaan.

Jumlah ini membabitkan statistik bermula tahun 2001 sehingga 15 November 2022 di tujuh (7) kampus iaitu ABM Wilayah (ABMW) Timur, Utara, Tengah, Selatan,

Sarawak, Sabah dan CIDB Tech.Untuk maklumat lanjut sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my)  
[/ www.akademibinaan.com.my](http://www.akademibinaan.com.my) / [www.cidbtech.com.my](http://www.cidbtech.com.my)

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---

**Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:**

**CIDB Malaysia**

*Noryani Ismail*      [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my)      019 – 285 6867

*Noraini Fadzil*      [noraini.fadzil@cidb.gov.my](mailto:noraini.fadzil@cidb.gov.my)      019 – 226 265